

Sistem ramalan, amaran bah ditambah baik

➔ Program di 40 lembangan sungai babitkan peruntukan RM500 juta

Oleh Azman Mahmood,
Rosli Ilham
dan Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

■ Dungun

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang menambah baik sistem Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, dengan siapnya sistem itu nanti, ramalan banjir seawal dua hari dapat disalurkan kepada penduduk.

Katanya, sistem itu sebelum ini meramalkan banjir dua jam sebelum kejadian dan sebagai menambah baik kerajaan berusaha agar penduduk mendapat amaran banjir dalam tempoh singkat.

“Program melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu merangkumi 40 lembangan sungai membabitkan peruntukan seba-



Kerajaan Pusat memperuntukkan RM1.1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi pelbagai projek menangani banjir dan hakisan di Terengganu”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



Wan Junaidi menyampaikan kit bantuan kepada mangsa banjir di Pusat Permindahan Banjir SK Durian Mentangau, Dungun, semalam.

nyak RM500 juta,” katanya ketika mengadakan lawatan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Durian Mentangau di sini, semalam.

Fasa pertama

Wan Junaidi berkata, fasa pertama projek itu meliputi lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang yang dijangka beroperasi pada tahun 2018,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM1.1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi pelbagai projek menangani banjir dan hakisan di Terengganu.

Daripada jumlah itu, RM1.06 bilion untuk projek sambungan manakala RM88.15 juta diperuntukkan di bawah pelbagai program.

Sementara itu, ketika meninjau projek pembinaan benteng pemecah ombak di Pantai Tanjung Ge-

lam, Kuala Nerus, beliau berkata, kira-kira 2,610 kilometer atau 30 peratus daripada 8,700 kilometer pantai di seluruh negara dikategorikan sebagai kritikal berikutan ancaman hakisan terutama pada musim tengkujuh.

Sehubungan itu katanya, kerajaan memberi keutamaan melaksanakan projek pembinaan benteng pemecah ombak di perkampungan didiami penduduk dan di kawasan perladangan.

Beri kerjasama

Dalam pada itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, berkata kerajaan negeri akan memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan Persekutuan untuk berbincang menangani masalah banjir di negeri itu.

Katanya, kerajaan negeri tiada halangan memberi kerjasama penuh terhadap sebarang program untuk kepentingan rakyat termasuk menubuhkan jawatankuasa

bersama berbincang projek mengatasi banjir.

“Perkara ini sudah lama (untuk kerjasama dengan kerajaan negeri) setiap kali berlaku banjir dan kali ini kita harap ia benar-benar berlaku (penubuhan jawatankuasa bersama menangani masalah banjir),” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian Projek Perdagangan Karbon Dalam Hutan Simpan Kekal antara kerajaan Kelantan dengan syarikat Climate Protector Sdn Bhd di Kota Bharu, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, meminta Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Persekutuan Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim duduk semeja dengan Ahmad bagi berbincang menangani masalah banjir di negeri itu menerusi kerjasama holistik tanpa perbezaan fahaman politik.